

Hutang Luar India Meningkat 5.2 Peratus Kepada AS\$426 Bilion
Bernama
28 Mac, 2014

NEW DELHI, 28 Mac (Bernama) -- Hutang luar India pada akhir Disember 2013 sebanyak AS\$426 bilion, meningkat sebanyak AS\$21.1 bilion atau 5.2 peratus berbanding kedudukan pada akhir Mac tahun yang sama.

Peningkatan hutang luar negeri dalam tempoh tersebut disebabkan hutang jangka panjang, terutama, deposit Bukan Rakyat India (NRI), kata Kementerian Kewangan India.

"Peningkatan mendadak dalam deposit NRI mencerminkan kesan luar Mata Wang Bukan Dihantar Balik (B), deposit yang digerakkan dalam tempoh September-Oktober 2013," katanya dalam satu kenyataan.

Hutang luar India kepada nisbah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat 23.3 peratus pada akhir Dis 2013 berbanding 21.8 peratus pada akhir Mac

Hutang jangka panjang bernilai AS\$333.3 bilion pada akhir Disember 2013, menunjukkan peningkatan sebanyak 8.1 peratus berbanding peringkat akhir Mac, manakala hutang jangka pendek menurun sebanyak 4.1 peratus kepada AS\$92.7 bilion.

Hutang jangka pendek mencakupi 21.8 peratus daripada jumlah hutang luar India, manakala baki (78.2 peratus) adalah hutang jangka panjang.

Dari segi komponen, pinjaman komersil menyumbang sebanyak 31.5 peratus daripada jumlah hutang luar negeri, diikuti deposit NRI (23.2 peratus) dan hutang pelbagai hala (12.3 peratus).

Hutang luar kerajaan sebanyak AS\$764 bilion (17.9 peratus daripada jumlah hutang luar) pada akhir Disember 2013 berbanding AS\$817 bilion (20.2 peratus) pada akhir Mac.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025844>